

# KENYATAAN AKHBAR

*untuk siaran segera*

## BANK MUAMALAT BUKA CAWANGAN BAHARU DI INDERA MAHKOTA, PAHANG

**KUANTAN**, 6 Januari 2023 : Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini telah merasmikan cawangan baharunya di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang. Cawangan ini, memberikan perkhidmatan perbankan yang lengkap kepada hampir 248,946 penduduk. Ia merupakan cawangan Bank Muamalat yang ke-5 di buka di negeri Pahang dan memperluaskan rangkaianya kepada 68 cawangan di seluruh negara.

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, Dato' Mohamad Nizar Bin Dato' Sri Mohamad Najib, diiringi oleh Encik Khairul Kamarudin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Dalam majlis yang sama, Bank Muamalat turut mengagihkan sumbangan dalam bentuk tunai kepada beberapa buah masjid dan rumah kebajikan yang terpilih di sekitar daerah Kuantan.

"Kami mahu mendekati lebih ramai pelanggan di samping memberi tumpuan agar sentiasa berdaya komersial dengan mempraktikkan amalan industri yang baik. Bank Muamalat juga sentiasa memperkenalkan produk-produk yang berinovasi dan berorientasikan pasaran bagi membangunkan lagi kewangan Islam sebagai sebuah sistem yang lebih dinamik, responsif dan mapan," kata Encik Khairul.

Bank Muamalat kini dalam usaha membina #KehidupanLebihBaikBersama pelanggan menjelang 2023. Ini merupakan sebahagian daripada komitmen Bank Muamalat dalam memperluaskan dan mempertingkatkan perkhidmatan perbankan bagi komuniti setempat serta memberikan penyelesaian dan kemudahan kewangan bagi agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang berdekatan, khasnya di daerah Kuantan.

**TAMAT**

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Syahida Azureen | [syahida.azureen@muamalat.com.my](mailto:syahida.azureen@muamalat.com.my) | +6012 242 3696  
Nazrul Hafizi | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur  
Laman Web : [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) Tel : 03 2600 5500



Abhi kumpulan  
**DRB-HICOM**